

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KOMPETENSI EKSEKUTIF HALAL
DALAM INDUSTRI MAKANAN
HALAL: KAJIAN DI LEMBAH
KLANG**

AMIRA RASHADA BINTI AFFENDI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah

Sarjana

(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

June 2023

ABSTRAK

Perkembangan pesat industri halal di Malaysia telah berjaya menembusi pasaran global khususnya dalam sektor makanan halal yang telah meletakkan Malaysia di kalangan negara yang disegani dan dipandang tinggi di seluruh dunia. Persijilan halal Malaysia yang diakui sebagai antara yang terbaik di arena antarabangsa adalah pemacu utama kejayaan dan perkembangan pesat industri halal Malaysia. Walau bagaimanapun, pengurusan halal yang cemerlang adalah di bawah tanggungjawab seorang individu yang dikenali sebagai eksekutif halal. Perlantikan eksekutif halal dalam sesebuah syarikat merupakan salah satu faktor kejayaan dalam menyokong pembangunan komprehensif dan masa depan industri halal Malaysia. Oleh itu, kompetensi seorang eksekutif halal mestilah diambil kira bagi memastikan setiap pengurusan halal dalam sesebuah organisasi dipertanggungjawabkan kepada individu yang benar-benar kompeten. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti standard profesionalisme eksekutif halal berpandukan sama ada Sistem Pengurusan Halal Malaysia (MHMS), Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (MPPHM), JAKIM dan Standard Program: Pengajian Halal, MQA, mengukur pengaruh latar belakang pendidikan, pengetahuan dan latihan pensijilan halal terhadap kompetensi seorang eksekutif halal, serta mencadangkan penambahbaikan kriteria eksekutif halal yang lebih kompeten di dalam industri makanan halal kepada Sistem Pensijilan dan Pendidikan halal di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah *sequential exploratory strategy* di mana data kuantitatif dikumpulkan dan dianalisis terlebih dahulu dan membuat penjelasan dengan lebih terperinci menggunakan data kualitatif. Hasil kajian mendapati bahawa ketiga-tiga pemboleh ubah bebas (latar belakang pendidikan, pengetahuan dan latihan pensijilan halal) mempunyai hubungan yang signifikan terhadap kompetensi eksekutif halal. Akhir sekali, pengkaji telah mencadangkan beberapa penambahbaikan kriteria eksekutif halal yang lebih kompeten bagi melahirkan eksekutif halal yang professional bukan sahaja dalam industri makanan halal di Malaysia, tetapi juga di seluruh dunia.

Kata kunci: Eksekutif halal, Kompetensi, Industri Makanan Halal

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang Segala pujian hanya bagi Allah s.w.t, selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad s.a.w. Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah s.w.t, yang maha pemurah lagi maha mengasihani yang memberi saya kekuatan, semangat dan ketabahan bagi menyiapkan tesis ini.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap orang yang telah datang ke dalam hidup saya yang memberi ilham, menyentuh perasaan dan menerangi hidup saya melalui kehadiran mereka. Setinggi penghargaan dan jutaan terima kasih juga khusus kepada penyelia pertama Profesor Madya Ezani Yaakub atas kesungguhan dan ketekunan berkongsi ilmu dan pengalaman, kesabaran memberi bimbingan dan tunjuk ajar serta keikhlasan memberi teguran, nasihat dan motivasi. Ucapan yang sama juga ditujukan kepada penyelia kedua, Dr. Hajar Opir atas curahan ilmu, tunjuk ajar, motivasi, kesediaan masa, serta perkongsian yang diberikan selama ini. Dedikasi, kesungguhan dan empati hanya Allah s.w.t. yang dapat membalasnya.

Ucapan terima kasih juga kepada informan Dr. Lokman Ab Rahman daripada PEHMA, Encik Nor Azmi daripada JAKIM, Encik Noridham daripada HDC dan Encik Muhammad Yasir daripada TMC kerana telah banyak memberikan maklumat yang berharga secara terperinci mengenai kajian ini dan sudi meluangkan sedikit masa untuk berkongsi bahan maklumat yang diperlukan. Terima kasih juga kepada semua yang terlibat sebagai responden kajian ini. Sekalung penghargaan buat pensyarah-pensyarah UiTM dan semua teman seperjuangan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Akhir sekali, penghargaan terbesar saya tujukan kepada ayah tercinta
ibu tercinta suami tercinta
serta adik-beradik dan keluarga mertua saya di atas kesabaran, dan kasih sayang mereka terhadap saya dan terima kasih atas sokongan, dorongan, pengorbanan dan limpahan doa kalian yang tidak pernah putus selama ini. Tanpa sokongan mereka, tidak mungkin apa-apa dapat dicapai. Semoga segala sumbangan, pengorbanan dan jasa baik yang diberikan oleh semua pihak mendapat keberkatan daripadaNYA. Semoga Allah s.w.t. menilai usaha ini sebagai satu ibadah dan amal jariah. AMEN.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Permasalahan Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	13
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	14
1.7 Hipotesis Kajian	15
1.8 Kepentingan Kajian	16
1.9 Skop Kajian	17
1.10 Definisi Kajian	18
1.10.1 Halal	18
1.10.2 Kompetensi	18
1.10.3 Profesionalisme	19
1.10.4 Makanan Halal	19
1.10.5 Halalan Tayyiban	20
1.10.6 Standard Halal Malaysia	20
1.10.7 Eksekutif Halal	21
1.10.8 Industri Makanan Halal	21
1.11 Rumusan	22

BAB 2 SOROTAN LITERATUR	23
2.1 Sorotan Literatur	23
2.2 Perkembangan Industri Halal Malaysia	23
2.3 Konsep Halal dalam Islam	25
2.4 Industri Makanan Halal	27
2.5 Pengurusan Pensijilan Halal	30
2.5.1 Pengetahuan Pengusaha Industri Terhadap Konsep Pelaksanaan Halal	33
2.6 Standard Halal Malaysia	39
2.7 Program Latihan Halal	41
2.7.1 Halal Professional Board (HPB)	42
2.7.2 Standard Program: Pengajian Halal	45
2.8 Peranan Eksekutif Halal dalam Industri Makanan Halal	48
2.8.1 Kajian Lepas Mengenai Eksekutif Halal	50
2.8 Rumusan	52
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	54
3.1 Pengenalan	54
3.2 Reka Bentuk Kajian	54
3.3 Kaedah Pengumpulan Data	56
3.3.1 Kajian Kepustakaan	56
3.3.2 Kajian Lapangan	57
3.4 Intrumen Kajian	58
3.4.1 Soal Selidik	59
3.4.2 Temu Bual	61
3.5 Kajian Rintis	62
3.5.1 Nilai <i>Cronbach 's Alpha</i> Kajian Rintis	65
3.6 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	65
3.7 Populasi dan Persampelan	66
3.7.1 Saiz Sampel	69
3.8 Kaedah Pengumpulan Data	69
3.9 Penapisan Data Kajian Sebenar	70
3.9.1 Ujian Kebolehpercayaan Cronbach's Alpha	70
3.9.2 Ujian Normaliti Data	72